

10/05/2002

Umno, Pas mungkin boleh teruskan kerjasama

KUALA LUMPUR, Khamis - Kepemimpinan Umno dan Pas mungkin pada masa depan boleh bekerjasama dalam banyak hal lagi membabitkan masalah negara berikutan kejayaan menganjurkan Syarahan Perdana Palestin dan Kemanusiaan di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), semalam yang menyaksikan buat julung kalinya presiden kedua-dua parti berucap di pentas yang sama.

Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), Ahmad Azam Abdul Rahman, berkata pertemuan malam tadi memberi gambaran umat Islam secara keseluruhannya mempunyai hasrat sama untuk mencapai keamanan sejagat.

Katanya, suasana itu menunjukkan rata-rata umat Melayu, khususnya Islam mengetepikan fahaman politik masing-masing bersama-sama menyaksikan kedua-dua pemimpin duduk semeja dan menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan matlamat yang satu untuk mendapatkan sokongan antarabangsa dalam usaha menekan Israel sehingga negara Yahudi dipulaukan.

"Jika kita tidak mampu untuk bersatu padu dan bekerjasama dalam semua hal sekalipun, sekurang-kurangnya pertemuan malam tadi menjadi titik permulaan membolehkan kedua-dua pemimpin parti duduk semeja dan membincangkan masalah sejagat.

"Secara peribadi, saya mengucapkan tahniah kepada kedua-dua pemimpin kerana sanggup mengetepikan fahaman politik biar pun bersifat sementara bagi membincangkan masalah umat Islam Palestin yang ditindas kekejaman Israel," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan presiden Pas Datuk Fadzil Noor berucap mengenai masalah Palestin dalam majlis syarahan yang disaksikan oleh 3,000 orang, termasuk ahli Umno dan Pas itu. Majlis itu yang dianjurkan bersama oleh Abim dan DBP turut disiarkan secara langsung oleh Radio Televisyen Malaysia.

Yang di-Pertua Persatuan Ulama, Ustaz Abd Ghani Samsudin, berkata syarahan perdana itu dilihat sebagai satu perkara positif dalam meningkatkan perpaduan dan keutuhan umat Islam di negara ini.

Katanya, di dalam Islam memang menggalakkan umatnya bersatu padu dan bukannya bermusuhan seperti diamalkan negara Israel.

"Oleh itu, kita mahu semua umat Islam, khususnya pemimpin kedua-dua parti lebih profesional dan bersikap terbuka dalam menangani isu seumpama itu. Kita berharap keadaan itu akan berterusan dan tidak lihat sebagai pesaing dalam politik kerana ia akan memberi kerugian kepada umat Islam sendiri.

"Saya juga berharap supaya ada agenda lebih besar pada masa depan dan bukan sekadar forum dan syarahan perdana saja," katanya.

Naib Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM), Datuk Dr Ibrahim Abu Shah berkata kedua-dua pemimpin mungkin dalam beberapa aspek berbalah tetapi semalam mereka menunjukkan dapat mengetepikan fahaman politik masing-masing dan bekerja sama khusus untuk membantu rakyat Palestin yang dibelenggu kekejaman Israel.

Timbalan Setiausaha Agung Kongres Indian Muslim Malaysia (Kimma), Amir Amsaa Alla Pitchay, berkata walaupun berbeza ideologi, kedua pemimpin itu sedia duduk semeja bersua muka untuk membincangkan nasib rakyat Palestin.

"Kami memuji langkah diambil kedua-dua pemimpin yang memberi kesedaran kepada pemimpin negara lain, bahawa peperangan bukanlah satu jalan penyelesaian, sebaliknya langkah itu dianggap contoh terbaik kepada negara Islam lain untuk bersatu," katanya.

(END)

